



KOPERASI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA BERHAD
Bangunan Pusat Perniagaan
Beg Berkunci 260, Pejabat Pos UPM
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang, Selangor Darul Ehsan.
Tel. No. 03-89467980 Faks No. 03-89489796

PENGUMUMAN

KOP/MA/27/09
15 Mei 2009

KEPADA SEMUA ANGGOTA
KOPERASI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA BERHAD

Y. Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SKIM GALAKAN AKADEMIK KOPERASI UPM BHD BAGI SESI TAHUN 2008/2009

Dengan sukacitanya dimaklumkan bahawa Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi UPM Bhd telah bersetuju supaya Skim Galakan Akademik yang telah dilancarkan pada tahun 1989 diteruskan lagi bagi sesi 2008/2009. Skim Galakan Akademik ini, yang akan ditadbirkan oleh Jawatankuasa Kecil Kumpulan Wang Kebajikan Am, adalah dibiayai oleh Kumpulan Wang Kebajikan Am Koperasi UPM Bhd.

Sehubungan dengan ini, permohonan-permohonan adalah dipelawa dari semua anggota untuk mengambil bahagian dalam Skim ini mengikut syarat-syarat yang dihuraikan di bawah:

1. Skim ini terbuka kepada anggota-anggota, anak-anak anggota (tidak termasuk tanggungan) Koperasi dan pelajar-pelajar UPM yang menjadi anggota Koperasi. Peperiksaan UPSR/PMR/SPM/SPVM/STPM hendaklah diambil pada tahun 2008 sahaja, manakala peperiksaan IPTA/IPTS di dalam dan di luar negeri ialah peperiksaan akhir sesi 2008/2009.

2. Struktur/Bilangan Hadiah dan Jenis Peperiksaan/Kelayakan Minima adalah seperti pada sesi yang lepas dan tertakluk kepada perubahan, jika ada, oleh Jawatankuasa Kecil Kumpulan Wang Kebajikan Am.
3. Permohonan secara bertulis yang disertai salinan keputusan-keputusan peperiksaan yang disahkan hendaklah mengandungi butir-butir berikut:
 - i. Nama Anggota/No. Anggota dan No Telefon
 - ii. Nama Penerima Skim Galakan Akademik (Nama Anak atau Anggota sendiri)
 - iii. Nama Peperiksaan dan Tahun Peperiksaan
4. Sila majukan permohonan Y. Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan kepada:

Setiausaha
Koperasi Universiti Putra Malaysia Berhad
Tingkat 1, Bangunan Pusat Perniagaan
Beg Berkunci 260, Pejabat Pos UPM
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang, Selangor Darul Ehsan

Pada atau sebelum Hari Isnin 1 Jun 2009

5. Keputusan Jawatankuasa Kecil Kumpulan Wang Kebajikan Am Koperasi UPM Bhd adalah muktamad.

Sekian, terima kasih.

Yang menjalankan tugas,

(HJ. MOHAMAD ARIS BIN SAID)
Setiausaha
Lembaga Koperasi Universiti Putra Malaysia Berhad

s.k. - Pengerusi Koperasi UPM Bhd.